

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 4 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 23

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12697
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan adakah Kerajaan membuat pengukuran prestasi dalam pembangunan pendigitalan di Malaysia dan apakah kedudukan Malaysia berbanding negara-negara lain yang telah maju dalam bidang pendigitalan.
2. PN-1533-L12877
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan garis masa pembangunan garis panduan untuk Keberkesanan Penggunaan Air (WUE) dan Keberkesanan Penggunaan Karbon (CUE) dalam mengawal selia pusat data yang tidak membahayakan alam sekitar kerana pusat data menggunakan sejumlah besar air dan tenaga.
3. PN-1533-L12561
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang sedang dilaksanakan menerusi dukungan bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menyediakan jalan keluar kepada rakyat yang diisytiharkan bankrap rentetan daripada laporan AKPK mengenai 53,000 individu berumur 30 tahun ke bawah dengan bebanan hutang mencecah RM1.9 bilion.
4. PN-1533-L12978
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi mencegah kerugian sebanyak RM440 juta akibat perlombongan bitcoin dan mengapakah pihak TNB tidak menggunakan analisis data dan AI untuk mengenal pasti bangunan yang mencuri elektrik.

5. PN-1533-L12390
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk mengawal bayaran khidmat hutang supaya kekal di bawah 15% daripada jumlah hasil Kerajaan.
6. PN-1533-L12802
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
 - (a) berapakah kadar pengguna jambatan kedua Pulau Pinang untuk setiap tahun semenjak ia dibuka dan apakah unjuran kadar penggunaan yang diramalkan sebelum pembinaan; dan
 - (b) adakah kadar penggunaan mencapai sasaran asal dan jika tidak, apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan kadar penggunaan jambatan tersebut.
7. PN-1533-L12505
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan perincian penubuhan Majlis Sejarawan Negara bagi menangani isu penyelewengan fakta sejarah yang boleh menjejaskan kestabilan dan keharmonian negara dan apakah autoriti serta bidang kuasa yang dicadangkan bagi menguatkan fungsi majlis ini.
8. PN-1533-L12707
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan kelestarian ladang-ladang penanaman getah susulan perkembangan industri getah yang tidak serancak ladang penanaman sawit.
9. PN-1533-L12958
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dilakukan bagi menambah baik perlindungan sosial untuk warga emas terutamanya di kawasan luar bandar, serta inisiatif baharu yang diperkenalkan untuk menyokong warga emas yang tinggal bersendirian atau dalam keperluan, berikutan peningkatan kes kematian bersendirian.
10. PN-1533-L12895
Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-
 - (a) bagaimanakah Kementerian mengawal selia situasi perkhidmatan atas talian yang menggunakan mekanisme *dynamic pricing* untuk menentukan harga perkhidmatan seperti Grab, Foodpanda dan lain-lain; dan

- (b) bagaimanakah Kementerian memastikan tiada penipuan dalam penetapan harga pada peringkat syarikat perkhidmatan tersebut memandangkan perkhidmatan ini adalah berdasarkan *subscription-based model*.
11. PN-1533-L12494
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik jumlah kes agensi pelancongan yang menipu pelanggan dalam tempoh tahun 2022 hingga tahun 2024 dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk membanteras isu penipuan ini yang mengakibatkan kerugian besar kepada pelanggan dan menjejaskan industri pelancongan.
12. PN-1533-L12999
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah polisi dan pelan tindakan Kementerian bagi memastikan institusi pendidikan tinggi mampu menyediakan kursus-kursus yang selaras dengan keperluan ekonomi baru, termasuk bidang jurutera kecerdasan buatan (AI), penganalisis data, saintis data, dan koordinator kemampunan.
13. PN-1533-L12763
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi dan tindakan yang diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia dalam memastikan pelancong warga asing yang masuk dengan visa atau tanpa visa mematuhi tempoh kebenaran lawatan serta dalam menangani isu pelawat asing yang gagal dikesan setelah masuk ke Malaysia.
14. PN-1533-L12916
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan matlamat program siri Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial dan pencapaiannya setakat ini sesudah berlangsung beberapa konvensyen itu di beberapa buah negeri.
15. PN-1533-L13033
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan anggota Global Ikhwan Sdn Bhd Holding (GISBH), dan berapa ramai daripada mereka yang berkhidmat dalam sektor awam, termasuk dalam pasukan polis dan tentera.

16. PN-1533-L12572

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis rawatan yang akan disediakan secara menyeluruh melalui inisiatif penyumberan luar pesakit hospital awam ke hospital swasta, dan bagaimana inisiatif ini dapat mewujudkan situasi menang-menang bagi sektor kesihatan awam dan swasta, khususnya di negeri Sabah.

17. PN-1533-L12838

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membendung pihak yang menyentuh isu-isu kaum, agama dan raja (3R), terutamanya dalam kalangan ahli politik.

18. PN-1533-L12754

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) jumlah terkini kes-kes jenayah yang melibatkan pelancong yang datang ke negara kita; dan
- (b) apakah strategi Kementerian untuk membendung gejala pelancong yang mengemis di kawasan tarikan pelancong di negara kita.

19. PN-1533-L13080

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah prosedur operasi standard (SOP) dalam melaksanakan hukuman ketenteraan bagi pegawai-pegawai kadet di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, dan adakah pencederaan fizikal merupakan amalan standard dalam Angkatan Tentera Malaysia.

20. PN-1533-L12787

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) setakat ini khususnya dari aspek visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan dan adakah pencapaian sehingga kini mencapai sasaran awal yang telah ditetapkan.

21. PN-1533-L12402

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah untuk membanteras gejala buli siber yang telah menyebabkan beberapa individu membunuh diri.

22. PN-1533-L12968
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pengambilan pelajar daripada kaum India di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) di Malaysia bagi tahun terkini.
23. PN-1533-L12736
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan bekalan beras terutama bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) dapat diakses kepada rakyat secara berterusan bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.
24. PN-1533-L12924
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesan kepada para majikan dan industri akibat daripada dasar gaji minimum pada paras RM 1,700 sebulan.
25. PN-1533-L12779
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana usaha dan perancangan Kerajaan untuk memperkukuhkan ekosistem industri halal tempatan serta kaedah untuk meningkatkan eksport produk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) Bumiputera apabila Halal Development Corporation (HDC) digabungkan dengan Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) menjelang 2025 dan 2026.
26. PN-1533-L13090
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah had sempadan laut Negeri boleh dipinda dan jika tidak, apakah alasan yang menghalang perkara tersebut daripada berlaku.
27. PN-1533-L12814
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pengangguran terkini seluruh negara (statistik mengikut negeri dan kaum) yang direkodkan.
28. PN-1533-L12749
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat alternatif lain yang boleh diaplikasikan untuk membaik pulih semula jeti Kuala Perlis ke Langkawi yang dikatakan sudah uzur.

29. PN-1533-L12806

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan peluang kemajuan kerjaya untuk pakar perubatan di Kementerian, khususnya dalam pengiktirafan dan penghargaan pencapaian profesional bagi mengekalkan tenaga pakar perubatan dalam sektor awam.

30. PN-1533-L12613

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu menjayakan Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

31. PN-1533-L12585

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status semasa Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) yang sepatutnya bercuti selepas dapatan dari Laporan Ketua Audit Negara mengenai isu dan siasatan penyelewangan dana HRD Corp kerana tular baru-baru ini beliau dijemput hadir sebagai penceramah di Youth Economic Forum 2024.

32. PN-1533-L12933

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk memperkenalkan cukai baharu dalam tempoh terdekat dan sekiranya ada, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan cukai ini tidak membebankan rakyat memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

33. PN-1533-L12856

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah rumah Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) yang dibina untuk masyarakat Orang Asli pada tahun 2023 mengikut setiap negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) perincian data permohonan rumah yang masih belum dibina.

34. PN-1533-L13025

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan nama enam buah Kampung Baru Cina yang dijangka bakal mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

35. PN-1533-L12988

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan lobi Malaysia dalam kalangan negara Arab untuk menguatkuasakan keputusan Mahkamah Antarabangsa terhadap jenayah perang Israel ke atas penduduk Palestin.

36. PN-1533-L13044

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menaik taraf mutu perkhidmatan dan prasarana di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

37. PN-1533-L12903

Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah peruntukan bagi inisiatif Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP) memandangkan ada agensi Kerajaan yang kekurangan kakitangan dan sangat memerlukan sokongan daripada personel MySTEP.

38. PN-1533-L12517

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kumpulan-kumpulan ajaran sesat dapat dikenal pasti dan diharamkan sebelum ia berleluasa menjadi besar seperti GISB; dan
- (b) adakah tindakan penguatkuasaan dan pemantauan ajaran sesat di Malaysia lemah atau tidak terlatih.

39. PN-1533-L12442

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan perlindungan terhadap hak-hak pengguna terutama dalam transaksi e-dagang yang semakin berkembang serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kes-kes penipuan dalam talian.

40. PN-1533-L12726

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan modul-modul intervensi keciciran murid oleh Kementerian berjaya menangani isu keciciran murid di negeri Kedah sehingga kini.

41. PN-1533-L12537

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan sektor universiti swasta tidak terpinggir dalam pembangunan pendidikan tinggi negara, agar di sokong dan diiktiraf sebagai setaraf dengan ekosistem pendidikan tinggi awam negara.

42. PN-1533-L12410

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) statistik dan punca kemalangan yang melibatkan kenderaan berat bagi suku tahun pertama 2024; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian dalam merangka strategi bagi mengurangkan kemalangan melibatkan kenderaan berat.

43. PN-1533-L12625

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi meredakan ketegangan dan perselisihan sesama umat Islam dalam soal khilafiah agar perpaduan umat Islam dapat diperteguhkan.

44. PN-1533-L12370

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti untuk memajukan inovasi dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh negara; dan
- (b) apakah dana atau insentif yang disediakan bagi memastikan penyelidikan di Malaysia dapat bersaing pada peringkat antarabangsa.

45. PN-1533-L13053

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah efektif dalam mengawal kenaikan harga barang yang disebabkan oleh penyasaran subsidi petrol dan diesel.

46. PN-1533-L12632

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) adakah negara akan memohon untuk menjadi ahli dalam New Development Bank (NDB) yang berpangkalan di China susulan pengumuman Malaysia menjadi ahli gabungan negara-negara BRICS; dan
- (b) apakah manfaat dan peluang yang akan dinikmati sekiranya negara berjaya menjadi ahli.

47. PN-1533-L13013

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendekatan baharu Kerajaan dalam menangani sindiket penipuan tawaran kerja dalam talian serta tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap syarikat atau individu terbabit.

48. PN-1533-L12484

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) inisiatif yang ingin dicadangkan untuk memperkukuh kerjasama pendidikan tinggi antara negara ASEAN ekoran pengumuman Menteri pada Oktober 2024; dan
- (b) bolehkah Kementerian mempertimbangkan pewujudan mekanisme *twinning programme* antara universiti negara ASEAN seperti program *Erasmus Mundus* di Eropah.

49. PN-1533-L12717

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah strategi jangka panjang Kementerian untuk meningkatkan daya saing Malaysia dalam menarik pelaburan berimpak tinggi, terutamanya dalam sektor-sektor strategik seperti teknologi 5G, kecerdasan buatan (AI) dan tenaga boleh diperbaharui; dan

- (b) berapakah peratusan pelaburan yang melibatkan industri yang dipacu masa depan (*future-driven industries*) ini telah berjaya direalisasikan sehingga kini.
50. PN-1533-L12643
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah Kerajaan mempertimbangkan untuk melaksanakan dasar pemberian Universal Basic Income (UBI) khususnya kepada rakyat Malaysia dan bekas kakitangan yang diberhentikan kerja atau ditamatkan perkhidmatan ini serta mereka yang masih belum mendapat pekerjaan baharu memandangkan saranan oleh World Economic Forum sebagai salah satu mekanisme terbaik untuk Kerajaan menyalurkan bantuan pendapatan kepada setiap rakyat jelata.
51. PN-1533-L12885
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menegaskan pentingnya sektor korporat di negara ini untuk turut mengambil tanggungjawab sosial dalam penyediaan prasarana untuk pengembangan seni budaya negara, seperti penyediaan auditorium bagi program seni persembahan.
52. PN-1533-L12452
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat menyambung Jalan Persekutuan Bintulu-Bakun sehingga ke Jalan Menjawah ke Pekan Belaga yang mempunyai jarak 35 kilometer supaya dijadikan jalan raya dua lorong yang memenuhi piawaian dan diwartakan.
53. PN-1533-L12865
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status Cukai Barangan Bernilai Tinggi (HVGT) yang dicadangkan dalam Belanjawan 2024.
54. PN-1533-L12353
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapakah peruntukan bagi infrastruktur telekomunikasi dan capaian internet di Sarawak dan berapakah jumlah peruntukan bagi kawasan Saratok untuk tahun 2025.

55. PN-1533-L12551

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pandangan Kementerian berhubung keputusan caruman mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke atas pekerja asing yang bakal membebankan pengusaha perusahaan mikro, kecil dan sederhana dan apakah cadangan mekanisme yang diperincikan bagi memastikan akauntabiliti majikan terhadap pematuhan keputusan ini.

56. PN-1533-L12955

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah warganegara asing yang telah mendapat kelulusan kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dan berapakah bilangan mengikut pecahan negara asal.

57. PN-1533-L12432

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan keperluan bidang strategik dalam negara seiring dengan pemberian biasiswa JPA dan adakah pembahagian ini turut mengambil kira kekurangan dalam sektor tertentu, tanpa mengira kaum penerima.

58. PN-1533-L12364

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan bagi membaik pulih dan membina infrastruktur sekolah-sekolah di Sarawak dan berapakah jumlah sekolah yang terlibat bagi kawasan Saratok untuk tahun 2025.

59. PN-1533-L12529

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan dalam melaksanakan projek mega dalam sektor pertanian termasuk projek raksasa tanaman padi berjumlah RM5 bilion yang turut dilengkapi dengan mekanisme bagi menangani bencana alam seperti banjir dan kemarau.

60. PN-1533-L12660

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah saluran penguatkuasaan yang tersedia bagi mangsa diskriminasi kaum dan agama dalam usaha untuk menangani diskriminasi di setiap sektor.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Kedua

2. *(D.R.48/2024) Rang Undang-undang Kewangan 2024
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Pertama

3. *(D.R.49/2024) Rang Undang-undang Langkah-Langkah Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Pertama

4. *(D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Pertama

5. *(D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024
[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]
Bacaan Kali Pertama

6. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Pertama

7. *(D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
8. *(D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
9. *(D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri Pengangkutan]**
10. *(D.R.46/2024)Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri Sumber Manusia]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.